

Kompleks Sukan kampus ini malam, kelmarin.

Manakala, tempat kedua dimenangi oleh DPP Petronas dan ketiga DPP Bank Muamalat.

Yang Dipertua Persatuan Wanita Universiti Utara Malaysia (Sutranita) yang juga isteri Naib Canselor, Norhayati Nazri merasmikan sukan yang disertai oleh lebih 2,800 pelajar yang mewakili 14 DPP.

Sukan Siswi ini dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Kompleks Sukan UUM.

Norhayati ketika berucap di majlis itu berharap melalui sukan ini bukan sahaja dapat menyihatkan badan malah dapat mengeratkan lagi hubungan antara mereka.

"Penyertaan dan strategik yang dirancang bagi menjuarai setiap acara yang dipertandingkan perlu mendapat kerjasama dari keseluruhan ahli pasukan bagi bergelar juara sekaligus dapat memperlihatkan jalinan kerjasama tanpa mengira agama, bangsa dan kaum," katanya.

Dalam pada itu, beberapa pelajar yang ditemui berharap penganjuran sukan siswi ini akan dijadikan acara tahunan bagi memberi peluang kepada kalangan siswi untuk menunjukkan bakat mereka dalam acara yang dipertandingkan.

"Saya berharap penyertaan siswi dalam bidang sukan ini melengkapkan proses sebagai pelajar selain daripada penyertaan dalam kegiatan kokurikulum dan kepimpinan," ujar beliau lagi.

Antara sukan yang dipertandingkan selama dua hari itu ialah senamrobik, kumpulan sorak, bola jaring, bola baling, terompah gergasi dan tarik tali.

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my